

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,  
DATO HUSSEIN ONN, DI UPACARA  
MERESMIKAN SEKOLAH MENENGAH  
KEBANGSAAN PEDU, PADANG TERAP,  
KEDAH, PAPA 27hb. JUN, 1978  
JAM 2.45 PETANG.

1. Yang Amat Berhormat Datuk Seri Syed Ahmad Shahabuddin,  
Menteri Besar Kedah.

2. Yang Berusaha Setiausaha Kerajaan,

3. Yang Berusaha Pegawai Daerah.

*Yang Berbahgia, Pengurus, Persatuan Hubasa dan Guru  
Pentadbiran Sekolah Menengah Kebangsaan Pedu.*

4. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.


*Yang Berusaha, Encik Guru Besar & Guru<sup>2</sup>*

Saya bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan limpah rahmat dan izinNYA, dapat saya bersama-sama hadir di majlis ini dan seterusnya meresmikan Sekolah Menengah Kebangsaan Pedu petang ini. Upacara petang ini amatlah besar ertinya kepada saya, kerana

ianya dilakukan sempena lawatan saya yang pertama ke Padang Terap.

2. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Kedah, khususnya kepada Datuk Seri Syed Ahmad Shahabuddin dan juga Kementerian Pelajaran, kerana memberi penghormatan ini kepada saya.

2A. Saya sukalah mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Datuk Seri Syed Ahmad Shahabuddin, di atas khidmat dan jasa cemerlangnya kepada

A small, rectangular stamp or handwritten mark located at the bottom right of the page. It contains the text ".2A/-" in a dark, possibly black or dark blue, ink or marker. The background of the stamp is light grey.

NEGERI KEDAH, SELAMA IA MEMEGANG JAWATAN  
BESAR.

MENTERI/ TIDAKLAH BOLEH DINAFIKAN BAHAWA

DALAM TEMPOH PERKHIDMAT ANNYA, NEGERI KEDAH

TELAH DAPAT MENCAPAI KEMAJUAN PESAT.

BANYAK LAGI RANCANGAN PEMBANGUNAN YANG

TELAH DISUSUN UNTUK DILAKSANAKAN BAGI

FAEDAH RAKYAT DI NEGERI INI.

2 B / -

2B. Setelah berkhidmat bagitu lama, Datuk Seri Syed Ahmad telah melahirkan hasrat untuk mengundur diri, serta menawarkan supaya seorang yang lebih muda dan lebih bertenaga memimpin Kerajaan Negeri Kedah, dengan tujuan agar kemajuan dan kejayaan pembangunan yang lebih meningkat lagi dapat dicapai. Insya Allah, jika diberi mandat baru, Barisan Nasional akan

MENUBUHKAN SEBUAH KERAJAAN NEGERI KEDAH,  
YANG AKAN MELIPATGANDAKAN LAGI USAHA  
PEMBANGUNAN, KE ARAH MENCAPAI KEMAJUAN  
DAN KEJAYAAN YANG LEBIH BESAR LAGI.  
SESUNGGUHNYA, DATUK SRI SYED AHMAD  
SHAHABUDDIN TELAH BANYAK MENCURAHKAN USAHA  
DAN TENAGANYA TERHADAP KEMAJUAN NEGERI  
KEDAH, SERTA KEMAKMURAN RAKYAT NEGERI INI.

2C. Saya sungguh menjunjung tinggi penqorbanan Datuk Seri Syed Ahmad Shahabuddin yang lebih mengutamakan kepentingan rakyat dari dirinya sendiri. Sungguhpun begitu, saya telah meminta Datuk Seri Syed Ahmad Shahabuddin supaya terus menyumbangkan tenaga dan fikirannya, serta terus berkhidmat kepada rakyat Negeri Kedah. Itulah sebabnya Barisan Nasional telah meletakkan Dato Seri Syed Ahmad Shahabuddin, untuk bertanding dalam kawasan Parlimen Padang Terap.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

3. Perasmian Sekolah Menengah PEDU petang ini, membuktikan salah satu kemudahan yang telah dibawakan oleh Kerajaan Barisan Nasional kepada rakyat. Ia juga menandakan kemajuan yang telah

dicapai dalam Daerah ini.

4. Semenjak Kemerdekaan, Kerajaan telah dengan gigih melaksanakan program-program pelajaran, dengan tujuan memberi didekan yang sempurna kepada anak-anak, disamping menanam semangat menyatupadukan rakyat berbilang kaum di negara ini. Dasar Ekonomi Baru yang telah dilaksanakan pada tahun 1970, mempunyai matlamat untuk mengukuhkan perpaduan negara, melalui pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat. Kerajaan Barisan Nasional telah dan akan terus memesatkan lagi pelaksanaan program pelajaran, bagi mencapai matlamat penting ini.

5. Dalam hubungan ini, Kerajaan Barisan Nasional menggalakkan pengajian dalam jurusan sains dan teknologi di kalangan pelajar-pelajar, supaya kita dapatlah melahirkan lebih ramai lagi tenaga profesyenaldan kemahiran, bagi menampong kekurangan yang terdapat sekarang ini. Di samping memberi bantuan kepada pelajar-pelajar, melanjutkan pengajian mereka di institusi-institusi pelajaran tinggi dan di universiti-universiti di tanah air kita sendiri, Kerajaan juga menghantar pelajar-pelajar keluar negeri.

6. Saya harap lebih ramai lagi pelajar-pelajar dari Daerah Padang Terap, merebut

peluang melanjutkan pengajian mereka ke peringkat-peringkat yang lebih tinggi. Pelajaran merupakan asas utama kearah pencapaian matalamat Dasar Ekonomi Baru. Ibu bapa dan juga guru-guru, hendaklah memberi galakan dan bimbingan kepada pelajar-pelajar dari kawasan luarbandar, supaya mereka dapat melengkap dan melayakkan diri, merebut dan menyertai peluang-peluang ini.

7. Selain dari peluang-peluang, dalam bidang pelajaran, Kerajaan Barisan Nasional menyediakan kemudahan-kemudahan dalam berbagai sektor dan lapangan. Sebagaimana yang saya selalu

jelaskan, bahawa adalah menjadi hasrat dan cita-cita Kerajaan yang ada sekarang ini, melipatgandakan peluang-peluang ini, serta meluaskan kemudahan-kemudahan yang telah disediakan, terutama kepada kaum Bumiputra. Kami bersungguh-sungguh hendak membawa pembangunan dan kemajuan kepada rakyat.

8. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Negeri Kedah telah mendapat peruntukan sebanyak \$1,200 juta. Bagi membolehkan Kerajaan Negeri Kedah memesatkan lagi usahanya membawa kemajuan kepada rakyat, Kerajaan Persekutuan telah mengambil keputusan untuk

melabor sebanyak \$400 juta, untuk kegiatan-kegiatan 'agro-based industries' di dalam dan di sekitar kawasan Perairan MUDA peringkat Kedua. Ini adalah hanya garis kasar projek-projek pembangunan, yang sedang pesat dijalankan di negeri ini. Insya Allah, jika diberi mandat oleh rakyat, banyak lagi peruntukan akan diberikan kepada negeri Kedah, di masa-masa akan datang, bagi membolehkannya meningkatkan lagi kegiatan ekonomi rakyat.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

9. Usaha-usaha dan strateji pembangunan

Kerajaan Barisan Nasional, bukan sahaja

di tumpukan kepada pembangunan fizikal dan jasmani. Pembangunan rohaniah juga dititikberatkan, bagi menjamin kebahagiaan hidup rakyat di dunia dan akhirat. Bagi meningkatkan lagi pembangunan dalam bidang ini, Kerajaan Barisan Nasional Persekutuan, telah pun meluluskan baru-baru ini, satu peruntukan sebanyak \$1.5 juta, bagi melaksanakan projek-projek keugamaan dalam Negeri Kedah bagi tahun 1978 ini. Peruntukan ini termasuklah pembinaan dua buah masjid baru dalam Daerah Padang Terap ini. Projek yang di maksudkan itu ialah, pembinaan Masjid Kuala Pai, Mukim Padang Temak, dan

Masjid Kubang Lintah, Mukim Kurong Hitam.

tiap-tiap satu berjumlah \$60 ribu.

10. Saya difahamkan, bahawa penduduk-penduduk daerah Padang Terap ada membuat rayuan membina sebuah jambatan baru, menggantikan jambatan lama di Kuala Nerang, yang menghubungkan jalan diantara Pekan Kuala Nerang dengan Padang Sanai. Sempena dengan lawatan ini, saya sukacita menyampaikan keputusan Kerajaan Barisan Nasional Persekutuan, memberikan peruntukan sebanyak \$1 juta kepada Kerajaan Negeri Kedah, bagi membina jambatan baru yang lebih sempurna.

Projek ini bolehlah dimulakan dengan segera. Saya percaya berita ini akan melegakan penduduk-penduduk daerah ini, kerana dengan adanya jambatan baru, kemudahan perhubungan bagi penduduk-penduduk di sekitar Kuala Nerang dapatlah diperbaiki, yang boleh memesatkan lagi pembangunan dalam daerah Padang Terap pada amnya.

11. Selain dari peruntukan ini, Kerajaan Barisan Nasional Persekutuan telah juga meluluskan wang pinjaman sebanyak \$1 juta kepada Kerajaan Negeri Kedah, bagi mengadakan sekim bekalan air yang baru, yang mengandungi

loji pembersihan air dan kolam air yang baru. Saya difahamkan sekim bekalan air yang baru ini, akan meningkatkan bekalan air di Kedah sebanyak satu juta gelen sehari. Apabila siap kelak,projek ini akan dapat memberi kemudahan bekalan air yang lebih sempurna di Kuala Nerang dan juga kawasan-kawasan bersekitar dengannya.

12. Kerajaan Barisan Nasional Persekutuan, telah pun juga meluluskan bantuan grant sebanyak \$500 bagi tiap-tiap satu batu, bagi menyenggara jalan-jalan kampong, yang

dibawah pengendalian Pegawai-pegawai Daerah.  
Untuk tujuan ini-Negeri Kedah telah diperuntukkan sebanyak \$530 ribu. Bagi Daerah Padang Terap, peruntukan peringkat pertama sebanyak \$40 ribu, telahpun dikeluarkan bagi menyenagara ialan-jalan kampung sepanjang lebih kurang 80 batu.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

13. Berbalik kita kepada bidang pelajaran, disamping melengkapkan anak-anak kita dengan pelajaran sains dan teknologi, penuntut-penuntut juga diberi didekan dalam pelajaran ugama.

Kerajaan sedar bahawa pengajaran dan pendidekan Islam yang sempurna dan sistematik, adalah amat perlu diwujudkan dan diserapkan dalam aliran sistem pelajaran kebangsaan, bagi penuntut-penuntut yang beragama Islam. Bagi mencapai tujuan ini, Kerajaan Barisan Nasional sedang membuat program jangka panjang, bagi memodenkan sistem pelajaran agama di negara ini.

14. Sapertimana yang kita ketahui, peradaban dan akhlaq Islam amali, adalah amat sesuai dan berguna untuk menyuburkan perasaan dan kesedaran umat Islam, untuk

mencapai satu kemurnian hidup yang penuh dengan sifat-sifat kejujuran, keikhlasan, keberanian, berbudi luhur, berdisiplin dan bertanggungjawab. Strateji jangka-panjang ini, telah pun mula dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Ini termasuklah proses mengambil alih beberapa sekolah agama, yang akan ditadbirkan terus oleh Kementerian Pelajaran. Setakat ini, proses pengambilan alih 14 buah sekolah agama oleh Kerajaan Persekutuan telah pun selesai.

15. Saya sukalah menyatakan di sini, bahawalah langkah-langkah Kerajaan Barisan Nasional dalam mem sistem pendidekan ugama, akan dipergiatkan lagi, di masa-masa yang akan datang, Penubuhan sebuah Maktab Perguruan Guru-guru Ugama, adalah satu langkah ke arah melahirkan guru-guru sekolah ugama yang terlatih.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

16. Kerajaan Barisan Nasional adalah sebuah Kerajaan yang jujur dan penuh dedikasi, untuk memenuhi aspirasi dan kehendak rakyat. Dalam usaha-usaha ini, rakyat haruslah sedar bahawa

parti-parti pembangkang akan terus-menerus mencerca dan mencari kesilapan Kerajaan.

Namun begitu, Kerajaan Barisan Nasional tidak akan tawar ha sedikit pun, dan tidak akan berganjak langsung dari meneruskan usaha-usahanya membangunkan negara dalam segala bidang. Oleh itu, penduduk-penduduk di Padang Terap hendaklah memberikan sokongan dan kerjasama mereka kepada Kerajaan Barisan Nasional, supaya ia dapat terus membawa kemakmuran, keamanan, keadilan sosial dan kehidupan yang lebih baik lagi.

17. Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan majlis ini, serta juga menjayakan lawatan saya ke Negeri Kedah kali ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

18. Dengan ini, saya dengan nama Allah, yang maha pemurah, lagi maha penyayang, mengisytiharkan Sekolah Menengah PEDU ini, dibuka dengan resminya.

Terima kasih.



No Siri ..... 377  
No Penerimaan ..... 31/81